

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA : 39
SURAT

OPR dijangka kekal paras 2.75 peratus hingga akhir tahun

Ekonomi

Utusan Malaysia

SABTU • 6 SEPTEMBER 2025

39

OPR dijangka kekal paras 2.75 peratus hingga akhir tahun

CIMB HENDRA WINARNO
hendra.winaro@mediaraya.com.my

PETALING JAYA: Kadar Dasar Semalam (OPR) dijangka kekal pada paras 2.75 peratus dalam tempoh terdekat, termasuk ketika Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bersidang semula pada mesyuarat terakhir November ini.

Ketimatin, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 2.75 peratus selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC).

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Ahsanuzzam Abdul Rashid berkata, keputusan tersebut sejajar dengan jangkaan kebanyakan ahli ekonomi termasuk pihaknya.

"Kenyataan BNM menunjukkan keyakinan terhadap unitan pertumbuhan ekonomi 2025 antara 4.0 hingga 4.8 peratus, didorong oleh inflasi sederhana."

"Selepas tahun ini, BNM dijangka terus bergantung pada data sebelum membuat sebuah keputusan berkenaan OPR," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Aliu, dengan ancaman pertumbuhan luar negara kekal dalam trajektori unjurun



KADAR Dasar Semalam (OPR) kekal 2.75 peratus dilihat sebagai ideal untuk ekonomi semasa Malaysia dan perkembangan ekonomi global. - GAMBAR HIASAN

BNM, kadar OPR dijangka turut dikekalkan pada paras 2.75 peratus sehingga 2026.

"Bagaimanapun, memandangkan inflasi dijangka sederhana, BNM masih mempunyai ruang dasar untuk menurunkan OPR sekiranya diperlukan," jelasnya.

Jen et al. Dr. Pengazi Idris, ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimie Zulhazmi Abdul Rashid berkata,

keputusan BNM untuk mengekalkan OPR itu diikira sebagai ideal untuk ekonomi semasa Malaysia dan juga perkembangan ekonomi global.

"Setelah menurunkan sebanyak 0.25 peratus pada mesyuarat MPC yang lalu, ekonomi negara berada di titik ini dan terbaik untuk terus mencapai unjuran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bagi 2025

iaitu antara 4.0 ke 4.8 peratus.

"Malah untuk kedua suku pertama dan kedua, masing-masing mencatatkan 4.4 peratus walaupun menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu berikut Peniumumahan Trump mengenakan tarif impot ke pelbagai negara termasuk Malaysia," katanya.

Aimi berkata, setakat ini tarif 19 peratus dikenakan keatas

eksport Malaysia ke AS, yang dikiraikan kompetitif berbanding dengan negara-negara lain terutamanya di Asia Tenggara.

"Bagaimanapun cabaran tarif keatas semikonduktor belum lagi diuntamadkan dimana ini memberikan kesan besar kepada eksport Malaysia ke AS," ujarnya.

Dalam pada itu, CIMB Treasury And Markets Research berkata, keputusan itu mencerminkan keyakinan bahawa dasar monetari kekal akomodatif, sambil memberi ruang untuk menilai kesan daripada langkah pemotongan awal sebanyak 25 mata asas pada Julai lalu.

"BNM menekankan ketahanan petunjuk makroekonomi terkinin, dengan KDNK kekal pada paras 4.4 peratus tahun ke tahun bagi 2025 dan eksport meningkat 6.8 peratus tahun ke tahun pada Julai.

"Lebih penting lagi, kenyataan bulan September ini membawa noda yang lebih konstruktif apabila tidak lagi menyebut keimbangan terdahulu mengenai langkah pemotongan awal."

"Ini juga menekankan bahawa kejayaan rundingan tarif telah membantu mengurangkan ketidakentuan global," katanya dalam satu nota penyelesaian.